

## Tujuh premis dikompaun

**KOTA TINGGI** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kota Tinggi mengeluarkan tujuh kompaun menerusi pemeriksaan khas di sekitar Bandar Tenggara di sini baru-baru ini.

Difahamkan, operasi pada 9 September lalu dibuat bagi mengesan peniaga atau pengusaha premis jualan yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011.

Ketua Cawangan KPDNHEP Kota Tinggi, Norazmi Yakob berkata, pemeriksaan merangkumi kedai serbaneka, farmasi dan pasar awam di kawasan berkenaan.

"Dalam operasi ini kita



Norazmi (tengah) dan anggota penguatkuasa KPDNHEP Kota Tinggi membuat pemeriksaan di sekitar Bandar Tenggara baru-baru ini.

membuat pemeriksaan ke atas 25 premis hasil daripada maklumat dan aduan yang diterima.

"Tujuh premis diberikan kompaun kerana melakukan kesalahan seper-

ti tidak meletakkan tanda harga pada barangan yang dijual dan menggunakan alat timbang tamat tempoh," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.